

Kes mahkamah: UMNO pecat lapan ahli

Ⓟ

Oleh KAMAL ZAILANI dan ZULKIFLI BAKAR

Mn.M 10 OCT 1993

KUALA LUMPUR 9 Okt — Majlis Tertinggi (MT) UMNO hari ini memecat lapan orang ahli kerana membawa masalah parti ke mahkamah.

Presidennya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kelapan-lapan mereka yang dipecat itu boleh membuat rayuan.

“Mereka boleh buat rayuan tetapi MT tidak akan memberi pertimbangan yang mudah kepada orang yang macam ini...yang tahu itu salah dia buat juga,” kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini.

Sementara itu, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat berkata, beliau akan mengumumkan nama mereka yang dipecat itu dalam beberapa hari lagi.

“Kesemua mereka adalah dari UMNO bahagian Batu Gajah, Tapah, Bagan dan Jelutong,” katanya.

Mengikut Fasal 18.3 Perlembagaan UMNO, seseorang ahli yang membawa apa-apa juga perkara atau hak keahlian sebelum mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan parti, maka keahliannya di dalam parti gugur dengan sendirinya.

Menurut laporan akhbar, anggota UMNO yang membawa kes ke mahkamah ialah tiga dari bahagian Tapah iaitu Zaimi Mohamed Noor dan Mohamed Disa Mat Aras dari Cawangan Kampung Pulau Tiga serta Ishak Sapar dari cawangan Lubuk Larang.

Dua lagi ahli UMNO Perak yang terlibat

ialah dari Bahagian Batu Gajah iaitu Ahmad Murad Zohudi dan Yeop Kamarudin Yang.

Seorang lagi ialah Ariff Mansor daripada UMNO Cawangan Khatib Ali, Pengkalan Chepa, Kelantan.

Dari Pulau Pinang pula ialah, Ishak Mohamed dan Suhaimy Abdul Samad dari bahagian Bagan.

Bagi mengelak ahli-ahli membuat bantahan selepas persidangan perwakilan, kata Dr. Mahathir, UMNO akan meminda perlembagaannya supaya sebarang protes hanya boleh dibuat semasa mesyuarat.

Bertanggungjawab

Beliau menegaskan, pindaan itu juga adalah bagi menghalang golongan yang tidak bertanggungjawab menggagalkan mana-mana persidangan perwakilan parti.

“Dengan pindaan itu, apabila persidangan telah selesai, sebarang protes, terutamanya tentang kehadiran perwakilan yang tidak berhak, muflis atau sebagainya, tidak akan diterima.

“Mereka mesti membuat bantahan semasa mesyuarat diadakan pada permulaannya dan sebelum persidangan diteruskan,” kata Dr. Mahathir.

Kata Dr. Mahathir, pindaan yang dicadangkan akan memastikan golongan yang tidak bertanggungjawab, tidak mempunyai peluang untuk mendakwa sesuatu mesyuarat tidak sah kerana

■ Lihat muka 4

Kes mahkamah: UMNO pecat 8 ahli

No. M. 10 OCT 1993

menghadiri anggota yang mufli-
lis atau bukan anggota parti,
hanya selepas mereka kalah
dalam pertandingan merebut
sesuatu jawatan.

Beliau berkata, sekiranya
ada perwakilan yang tahu terdapat
orang yang tidak berhak
menghadiri persidangan, mereka
mesti membuat bantahan awal
lagi.

Menjawab pertanyaan, Perdana
Menteri menjelaskan, tujuan
pindaan itu dibuat adalah kerana
UMNO tidak mahu wujud ahli yang
sengaja membawa orang yang
mufliis atau bukan ahli ke dalam
persidangan perwakilan.

Tujuan mereka ini, tegas Dr.
Mahathir, adalah supaya

ya apabila kalah dalam per-
tandingan, mereka akan mendakwa
persidangan perwakilan tidak sah.

"Ini sengaja dibuat. Mereka
membawa orang ini untuk
menentukan sekiranya kalah,
mereka boleh dakwa persidangan
perwakilan sebagai tidak sah."

Kata Dr. Mahathir, sekiranya
persidangan perwakilan menerima
bantahan, orang itu mesti keluar.

Bagaimanapun, tegas beliau,
sesiapa sahaja yang membuat
dakwaan itu mesti menunjukkan
bukti yang jelas bahawa tuduhannya
benar.

"Kalau buat bantahan setakat
hendak menghentikan persidangan...
kita tidak terima," ujar beliau.

Dr. Mahathir juga ditanya mengenai
kebimbangan beberapa bahagian yang
mendakwa terdapat usaha sedang
dijalankan untuk menggagalkan
Perhimpunan Agung UMNO
November ini.

Perdana Menteri menjawab: "Kita
hendak tahu apa yang hendak
mereka buat. Kalau hendak
buat kemudian, kita akan cari
jalan atasinya."

Datuk Mohamed Rahmat semasa
menjelaskan tentang pindaan itu
berkata, UMNO memutuskan untuk
mengkaji semula perlembagaan
dan peraturan parti untuk
mengelakkan perkara yang
berlaku sekarang ini, berterusan
pada masa akan datang.

"Kalau tidak, orang akan
menyalahgunakan kebebasan dalam
parti untuk membuat apa sahaja
perkara yang akhirnya boleh
merosakkan parti," kata beliau.

Beliau berkata, UMNO akan
membentuk sebuah jawatankuasa
untuk mengkaji perkara ini.

Kalau hendak dipinda pun,
ujar beliau, ia akan dibuat
tahun depan.

Kepada satu pertanyaan apakah
rasionalnya pindaan itu dibuat,
Mohamed memberitahu: "UMNO
mahu menahan kecenderungan ini
supaya tidak merebak dan
menghancurkan parti."